



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAJAR TINGKAT II (C.1-2 EB.3)  
JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAJAR TINGKAT II  
JABATAN PENJARA**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Craft and Design Education atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penjara dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pengajar Tingkat III atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengalaman mengajar dalam berbagai-bagai jenis mata pelajaran pertukangan atau kraftangan atau teknikal atau vokasional adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu dalam kerja-kerja membeli dan memesan alat-alat kelengkapan dan keperluan bahan-bahan mentah bagi latihan vokasional;
2. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai yang menjaga atau pegawai-pegawai atasan yang lain;
3. Mengajar penghuni dalam woksyop dan kelas;



4. Membantu dalam menyusun dan merancang program vokasional dan pendidikan penghuni;
5. Menyediakan laporan kemajuan kerja penghuni;
6. Menyertai dalam penilaian kemajuan dan gred penghuni; dan
7. Menyimpan catatan mengenai prestasi kerja penghuni.